



NOTIS

GARIS PANDUAN BAHARU PEMBELIAN TIKET TREN SHUTTLE TEBRAU

Pelanggan yang dihormati,

Kami ingin memaklumkan bahawa satu garis panduan baharu berkaitan tiket tren shuttle Tebrau (perjalanan JB Sentral – Woodlands – JB Sentral) telah dilaksanakan bermula pada 2 Mei 2017 (Selasa). Garis panduan ini telah dilaksanakan di atas saranan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) bagi mengawal dan mencegah aktiviti ulat tiket yang semakin berleluasa.

Mohon kerjasama para pelanggan agar mematuhi garis panduan Pembelian Tiket Tren Shuttle Tebrau seperti berikut;

1. Pelanggan perlu mengemukakan pasport pembelian tiket di kaunter KTMB;
2. Nama dan nombor pasport pelanggan/penumpang akan direkodkan semasa pembelian tiket samada melalui kaunter KTMB, agen tiket KTMB atau secara atas talian (online);
3. Pembelian tiket melalui kaunter KTMB akan dihadkan kepada empat (4) tiket sahaja untuk setiap pelanggan;
4. Pelanggan yang membuat pembelian melebihi satu (1) tiket perlu mengemukakan pasport dan nombor telefon kepada kakitangan kaunter untuk tujuan rekod;
5. Tiket yang telah dibeli tidak boleh dipindah milik. Tiket hanya boleh digunakan untuk membuat perjalanan oleh penama yang dicatatkan pada tiket berkenaan;
6. Pindaan tiket samada nama penumpang, no. pasport, tarikh perjalanan atau masa tren berlepas tidak dibenarkan. Penumpang boleh memohon pemulangan tambang berdasarkan prosedur pemulangan;
7. Tiket yang dibeli secara atas talian (*online*) mesti dicetak sendiri oleh pelanggan atau disimpan dalam bentuk imej di dalam telefon bimbit; dan
8. Pemeriksaan tiket akan dijalankan oleh kakitangan KTMB sebagai pengesahan bahawa pelanggan/penumpang membeli tiket bertujuan untuk membuat perjalanan sahaja dan bukan untuk dijual kepada pelanggan yang lain.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang KTM Berhad di www.ktmb.com.my atau Pusat Panggilan KTM Berhad di talian 03-2267 1200.